

Berteraskan masa depan cemerlang, gemilang, terbilang

Manifesto BN dilancar

Oleh AZNAN BAKAR, ZULKIFLI
ABDULLAH dan ROZILAN SALEH

KUALA LUMPUR 14 Mac Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan manifesto Barisan Nasional (BN) dengan tumpuan mendapatkan mandat lebih besar daripada rakyat bagi melonjakkan Pembangunan negara ke tahap yang lebih tinggi.

Manifesto itu merupakan manifestasi BN dalam usaha mencorakkan masa depan Malaysia ke arah negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Berteraskan BN untuk semua, ia antara lain mengajak seluruh rakyat Malaysia bersatu menuju masa depan yang maju, amandan makmur di samping melahirkan masyarakat yang berdaya saing dan mampu menghadapi pelbagai cabaran di peringkat global.

**Lagi laporan pilihan raya
di muka 2-5, 8, 9,17,18 dari 20**

Ia juga memberikan penekanan kepada pembangunan seimbang, pendidikan, agama dan pembangunan sahsiah, akhlak serta nilai-nilai etika supaya negara bukan sahaja mempunyai infrastruktur kelas pertama tetapi juga rakyat yang memiliki pemikiran kelas dunia.

Pada sidang akhbar selepas melancarkan manifesto itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, Abdullah berkata, rakyat perlu memilih BN demi untuk masa depan Malaysia

"Kita menghendaki mandat yang besar untuk majukan negara kita Malaysia. Untuk bangunkan negara, untuk masa depan Malaysia. Masa depan yang cemerlang, gemilang dan terbilang," katanya.

Hadir sama pada sidang akhbar itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak serta para pemimpin parti komponen BN yang lain.

Abdullah yang juga Pengerusi BN berka-



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama Najib Tun Razak mengangkat manifesto Barisan Nasional untuk pilihan raya umum yang bertemakan Cemerlang, Gemilang dan Terbilang selepas majlis pelancarannya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, semalam.

- Gambar Bernama (Lagi gambar di muka 11)

Manifesto BN dilancar

ta, BN sudah mempunyai pengalaman dalam menadbir negara yang berbilang kaum, agama dan budaya.

BN, katanya, terbukti, mampu menyatukan setiap rakyat dan membawa pembangunan untuk mereka.

"Apa yang kami tekankan ialah kami menyokong rakyat kerana rakyat menyokong BN, dan kami sedar sokongan rakyat itu adalah dalam bentuk mandat yang mereka akan beri kepada kami," katanya.

Sebab itu, jelas beliau, BN telah memastikan rasuah diperangi habis-habisan, perkhidmatan awam dan sistem penyampaian diperkemas dan ditingkatkan di samping memastikan pembangunan sumber manusia yang cemerlang melalui pendidikan kerana

ia merupakan aspirasi rakyat. BN juga, katanya, mengambil kira setiap aduan dan rungutan rakyat dan sebagai contohnya, Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalan dan Pengurusan Polig Diraja Malaysia diwujudkan.

"Kerana kami parti yang memenuhi aspirasi rakyat, dan keperluan rakyat yang mahukan negara yang maju, makmur dan aman, itu yang mereka harapkan... makna kami menyokong rakyat."

Sehubungan itu, Abdullah mengingatkan rakyat supaya mengundi dengan bijak demi masa depan mereka kerana hanya BN yang mampu membawa kejayaan, kemakmuran dari keamanan.

"Undi kami (BN), kami ada masa depan

untuk anda. Kami akan menghargai dan menggunakan mandat itu dengan bijak," katanya.

Untuk memastikan manifesto 20 muka surat difahami dan dihayati oleh rakyat, sebanyak tiga juta salinan dalam tujuh versi - bahasa Melayu dalam rumi dan jawi, bahasa Inggeris, Cina, Tamil serta dalam bahasa Kadazan dan Iban untuk Bumiputera di Sabah dan Sarawak telah diedarkan ke seluruh negara.

Jentera-jentera BN juga, katanya, telah diarahkan untuk memperjelaskan perkara-perkara yang terkandung di dalamnya kepada rakyat supaya mereka faham dan terus menyokong BN

Pada sidang akhbar itu juga, Abdullah

turut membaca ikrar empat perkara BN yang antara lain berazam mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Ditanya sama ada manifesto itu juga merangkumi hak asasi manusia dan kebebasan media, Perdana Menteri berkata, semuanya terkandung dalam konsep BN untuk semua.

Kepada satu soalan, Abdullah berkata, kejayaan BN menang tanpa bertanding di 14 kerusi Parlimen dan tujuh Dewan Undangan Negeri (DUN) pada hari penamaan calon semalam merupakan petanda BN bakal memperoleh mandat besar daripada rakyat pada pilihan raya kali ini.

Hari ini BN menang satu lagi kerusi Parlimen di Kota Tinggi apabila calon Pas,

Abu Bakar Sakak menarik diri - memberi laluan kepada calon BN, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang juga Menteri Luar.

Mengenai Islam Hadhari yang diketengahkan oleh beliau, Abdullah berkata, ia berbeza dengan Pas yang mementingkan idealisme.

"Kita menumpukan kepada apa yang boleh dilakukan untuk menjadikan umat Islam lebih baik dan bukan ancaman kepada bukan Islam."

"Islam yang baik ialah Islam cintakan keamanan dan mencipta peluang untuk semua di samping mempunyai pengetahuan dan kemahiran bagi digunakan untuk faedah bersama (dengan bukan Islam)," jelas beliau.